



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 11/2024

26 NOVEMBER 2024 (24 JUMADAL ULA 1446H)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI dan Salam Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, saya menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Majlis pada hari ini.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Datuk Bandar, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh warga kerja MBPJ serta masyarakat Petaling Jaya di atas sokongan, sumbangan idea, pendapat dan penyertaan dalam semua aktiviti program yang dianjurkan Majlis.

2. TEGUH INTEGRITI, KUKUH PERTIWI

Sambutan Bulan Integriti Nasional yang diraikan setiap tahun pada bulan November merupakan usaha murni Kerajaan bagi memupuk budaya integriti, tatakelola serta tadbir urus yang baik. **Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi** diangkat sebagai tema pada edisi kali ini.

Integriti dan tatakelola dalam segenap bidang perlu diangkat lebih tinggi dan perlu berada dilandasan yang tepat untuk melaksanakannya. Ini bermakna, sudah tiba masanya setiap tindakan ke arah membina integriti yang unggul serta tatakelola berkualiti perlu dijadikan budaya serta imej baharu untuk dilaksanakan di peringkat Majlis.

Antara langkah yang diambil adalah dengan menginstitusikan integriti dan tatakelola dengan sokongan yang khususnya kepada Unit Integriti berdasar arahan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian 1.2.1 iaitu **penubuhan Unit Integriti, struktur dan perjawatan, serta pelaporan dan latihan, polisi, akta, pelan strategik, sistem pengurusan anti rasuah ABMS serta sumber kuasa bagi melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan integriti dan tatakelola.**

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, susulan elemen anti rasuah dimasukkan sebagai elemen peratusan bagi Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT) bermula

tahun ini, terdapat PBT yang tergelincir taraf penarafan SPB-PBT selepas elemen anti rasuah dimasukkan dalam sistem penilaian tersebut. Elemen tersebut dimasukkan bertujuan memastikan negara dapat melonjak kedudukan yang lebih baik dalam **Indeks Persepsi Rasuah selari dengan Strategi Pemberantasan Rasuah (NACS) 2024-2028**.

MBPJ beriltizam akan terus komited melakukan reformasi terhadap penyampaian perkhidmatan berkualiti yang bebas daripada sebarang isu tatakelola dan ketirisan demi memperkasakan perkhidmatan Majlis ke arah lebih dinamik.

3. IT'S ALL START AT HOME : LOCAL ACTIONS FOR SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITY

World Urban Forum ke-12 (WUF12) telah berlangsung di Kaherah, Mesir bermula pada 4 hingga 8 November 2024 yang lepas dengan tema "*It's All Start At Home : Local Actions For Sustainable Cities And Community*". Forum ini telah dianjurkan oleh UN-Habitat dan telah dihadiri lebih 37,000 peserta dari 182 negara.

Sepanjang sesi forum berlangsung, MBPJ turut membuka rerurai panel interaktif bagi berkongsi pengalaman dan maklumat berkenaan inisiatif dan amalan–amalan baik yang diterapkan dalam mencapai *Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient 2030* (PJSSR 2030).

Penglibatan MBPJ dalam WUF ini dilihat selaras dengan misi dan visi Majlis dan hasrat Kerajaan Negeri yang telah merangka Rancangan Selangor Pertama (RS-1) ke arah memenuhi keperluan dan membina daya tahan yang kukuh sekaligus mengorak langkah ke arah pencapaian aspirasi Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur menjelang tahun 2025.

4. MBPJ PBT PERTAMA PENERIMA ANUGERAH MESRA KELUARGA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya muncul PBT pertama menerima Anugerah Mesra Keluarga 2024 yang disampaikan oleh YABhg. Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang mewakili Perdana Menteri YAB. Datuk Seri Anwar Ibrahim bersempena dengan Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan kepada PBT yang cemerlang melaksanakan pelbagai inisiatif menyediakan kemudahan bagi menyokong kesejahteraan dan menyokong kesejahteraan komuniti, termasuk penyediaan kemudahan awam yang selamat dan inklusif, program sokongan sosial untuk keluarga, dasar menyokong kesejahteraan warga kerja serta mempromosi nilai-nilai kekeluargaan di tempat kerja dan komuniti.

Justeru, Kerajaan berharap inisiatif ini dapat memperbaiki keseimbangan antara komitmen kerja dan keluarga serta meningkatkan produktiviti pekerja dan mewujudkan komuniti yang lebih sejahtera dan mesra keluarga. Kerajaan turut memberi jaminan akan terus komited memperkasa institusi kekeluargaan di negara ini dari aspek fizikal, nilai, moral dan kerohanian.

Menerusi konsep Malaysia MADANI, pelbagai inisiatif dan program serta polisi telah diperkenalkan bagi mendukung aspek kesejahteraan keluarga seperti program keibubapaan, sokongan kepada ibu bekerja, serta penjagaan kanak-kanak dan warga emas.

Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) yang disambut pada November setiap tahun merupakan inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan rakyat meluangkan lebih masa yang berkualiti bersama keluarga tercinta, bagi memupuk ikatan keluarga yang lebih kukuh dengan mempromosikan nilai murni seperti kasih sayang, hormat dan tanggungjawab dalam unit keluarga.

5. MBPJ CEMERLANG DI MSOSH AWARD

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima dua anugerah iaitu Anugerah Gold Merit bagi Organisasi dan Anugerah Khas Presiden daripada Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH) sempena Majlis Anugerah MSOSH Ke-42 yang berlangsung di Sunway Resort Hotel & Spa, Subang Jaya baru-baru ini.

Majlis anugerah anjuran MSOSH, pertubuhan terbesar yang menghimpunkan ahli serta pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara.

Penyampaian Anugerah Khas Presiden yang pertama kali diperkenalkan tahun ini mengiktiraf kepimpinan cemerlang ketua organisasi dalam pelaksanaan polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

MBPJ akan terus komited dalam melaksanakan inisiatif keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja melalui pematuhan dan pelaksanaan program-program OSHE. Melalui dasar caj kad induksi keselamatan terhadap kontraktor, sebanyak 256 kad telah dikeluarkan dan kutipan awal adalah sebanyak RM 4,230.00. Tujuan caj ini dilaksanakan adalah bukan hasil semata mata, akan tetapi ianya bagi menyediakan tenaga pekerja yang boleh menjalankan kerja dengan selamat tanpa mengakibatkan kemalangan terhadap orang awam.

6. MBPJ TERIMA ANUGERAH EMAS DI SRI LANKA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengukir nama di persada antarabangsa apabila meraih Anugerah Emas di International Convention on Quality Control Circles (ICQCC), sebuah pertandingan inovasi berprestij yang berlangsung di Colombo, Sri Lanka. MBPJ diwakili oleh Kumpulan Public Private Partnership for Recycling (3P4R).

Pengiktirafan ini diperoleh hasil projek inovatif bertajuk "**Meningkatkan Keberkesanan Penyertaan Komuniti Dalam Kitar Semula Melalui Kerjasama Awam-Swasta**". Kejayaan ini membuktikan komitmen MBPJ dalam menggerakkan agenda kelestarian dan memperkasa inovasi komuniti. Usaha inovasi ini digembleng bersama rakan strategik MBPJ iaitu KPT Recycle.

ICQCC tahun ini menyaksikan persaingan sengit dengan penyertaan 597 pasukan merangkumi empat kategori, termasuk 461 penyertaan dalam kategori Quality Control Circles (QCC). Pertandingan tersebut dihadiri oleh pelbagai negara antaranya China, Korea, Taiwan, Zambia, Filipina, India, Indonesia, Sri Lanka, Bangladesh, Thailand, Singapura dan Malaysia.

Untuk rekod, projek ini turut mencatat kejayaan di peringkat negeri Selangor pada tahun 2022 dengan memenangi Johan Kategori Inovasi Sosial (Penambahbaikan), Anugerah Khas Dokumentasi Terbaik, dan Anugerah Khas Projek Hibrid Terbaik di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor.

ICQCC merupakan acara tahunan yang menghimpunkan pengamal inovasi global untuk berkongsi idea dan pengalaman dalam usaha mempertingkatkan produktiviti serta inovasi.

7. HARI TANDAS SEDUNIA 2024

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Majlis Penyampaian Anugerah Premis Makanan dan Tandas Bersih pada 20 November 2024 yang lalu bersempena dengan Hari Tandas Sedunia 2024.

Program ini bertujuan memberi pengiktirafan kepada pengusaha premis makanan dan tandas awam atas usaha dan inisiatif yang telah diambil bagi mencapai standard terbaik berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh MBPJ selaras dengan Garis Panduan Sistem Penggredan Makanan Pihak Berkuasa Tempatan dan Garis Panduan Pengurusan dan Penarafan Bintang Tandas Awam di Malaysia yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Selain itu, objektif program adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran pemilik/pengusaha dan pengendali premis makanan terhadap kebersihan dan keselamatan makanan. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan memilih premis makanan yang bersih dan keselamatan makanan yang terjamin serta penggunaan tandas awam secara beretika selain mengurangkan kejadian insiden dan *prevalent* kes-kes penyakit bawaan makanan dan air seperti keracunan makanan, demam kepialu, taun dan sebagainya.

Pemeriksaan dan penggredan premis makanan adalah untuk memastikan bahawa premis tersebut mematuhi peraturan keselamatan dan kebersihan makanan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, serta memastikan makanan yang dihasilkan dan dijual kepada orang ramai adalah selamat, terjamin dan berkualiti.

Seramai 119 pengusaha makanan dan tandas awam telah dinobatkan sebagai penerima anugerah. Daripada keseluruhan jumlah penerima anugerah tersebut, 90 penerima adalah Kategori Premis Makanan Bersih 2024 manakala 29 penerima lagi bagi Kategori Tandas Awam Bersih 2024.

**8. EKSPLO BANDAR MESRA KANAK-KANAK PETALING JAYA 2024:
KOMITMEN MBPJ TERHADAP KESEJAHTERAAN GENERASI MUDA**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan terus memperkukuh komitmen terhadap kesejahteraan generasi muda dengan penganjuran Ekspo Bandar Mesra Kanak-Kanak Petaling Jaya (PJCFC Expo) 2024 yang diadakan bersempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia dengan kerjasama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia.

Kesejahteraan kanak-kanak merupakan keutamaan MBPJ dalam usaha membentuk masyarakat yang inklusif dan sejahtera. Kanak-kanak adalah aset penting untuk masa depan negara. Sejak tahun 2000, MBPJ telah melaksanakan inisiatif Bandar Mesra Kanak-Kanak, dan usaha ini mendapat pengiktirafan apabila Petaling Jaya diiktiraf sebagai bandar pertama di Malaysia yang meraih status Bandar Mesra Kanak-Kanak oleh UNICEF pada tahun 2023.

Ekspo yang berlangsung selama dua hari tersebut turut menjadi platform bagi kerjasama antarabangsa dan tempatan, dengan penyertaan kanak-kanak dari pelbagai wilayah termasuk Miyoshi (Jepun), Qingyuan (China), Asan dan Seongbuk-gu (Korea Selatan), Bandung (Indonesia), serta penyertaan dari Hulu Selangor, Kuala Terengganu, Kuching Utara dan Kuching Selatan, Sarawak. Pelbagai pengisian menarik diadakan sepanjang ekspo ini seperti **Pertandingan Eksplorasi Harta Karun Si**

Cilik, Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah dan Tadika 2024, Pertandingan Lensa Cilik Petaling Jaya dan Ekspo Buku Petaling Jaya.

MBPJ berhasrat untuk menjadikan ekspo ini sebagai acara tahunan yang menawarkan platform berterusan untuk dialog, kerjasama dan inovasi dalam usaha menjadikan bandar Petaling Jaya lebih inklusif dan mesra kanak-kanak.

Ekspo ini turut meliputi pelbagai aspek penting dalam kehidupan kanak-kanak di bandar, termasuk perancangan bandar, infrastruktur dan kemudahan, perkhidmatan, pendidikan, kesihatan dan kesejahteraan, keselamatan dan banyak lagi. Ia adalah bagi mencerminkan pendekatan holistik Majlis untuk mewujudkan sebuah bandar di mana kanak-kanak boleh belajar, bermain dan membesar dalam persekitaran yang inklusif dan menyokong. MBPJ juga berharap ia akan memberi inspirasi kepada lebih banyak inisiatif yang memfokuskan kesejahteraan kanak-kanak.

PJCFC Expo 2024 bukan sahaja mencerminkan dedikasi MBPJ untuk memastikan hak dan kebajikan kanak-kanak terus dipelihara, tetapi juga menjadi medan penting untuk membangunkan generasi muda yang berilmu, kreatif dan prihatin terhadap komuniti serta alam sekitar.

9. PERMIT PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2025

Permit Tahun Baru Cina tahun 2025 akan berlangsung selama sebulan bermula dari 26 Disember 2024 hingga 28 Januari 2025 melibatkan tiga lokasi iaitu Pasar Jalan Othman, Pasar Taman Megah dan Pasar Kg. Cempaka.

Majlis telah mewujudkan sejumlah 47 petak bagi ketiga-tiga lokasi tersebut. Tujuan permit Tahun Baru Cina diwujudkan adalah bagi membantu peniaga tempatan di kawasan Petaling Jaya meningkatkan kos sara hidup disamping membangkitkan semangat perayaan dengan menghidupkan tradisi dan budaya berkaitan dengan Perayaan Tahun Baru Cina.

10. GERAN KOMUNITI PETALING JAYA MAMPAN @ PJ SEED 6.0

Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan atau lebih dikenali sebagai PJ SEED merupakan inisiatif Majlis untuk melibatkan organisasi masyarakat dalam merancang dan melaksanakan projek yang menyokong matlamat PJSSR 2030, dengan fokus pada 10 bidang tematik yang berkaitan.

Pada tahun ini, Majlis telah menerima sebanyak 134 permohonan daripada pelbagai pihak termasuk Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, JKKK, JMB, IPT Awam dan Swasta, serta sekolah-sekolah di sekitar Petaling Jaya. Ini merupakan satu pencapaian yang amat

membanggakan dan menunjukkan betapa tingginya kesedaran dan komitmen masyarakat Petaling Jaya terhadap usaha pembangunan bandar raya yang mampan.

Saya amat berbesar hati untuk mengumumkan bahawa daripada 134 permohonan yang diterima, sebanyak 18 permohonan telah lulus terdiri daripada 2 projek oleh pihak sekolah, 8 projek dari IPT Awam dan Swasta, 3 projek oleh NGO, 1 projek oleh JMB dan 4 projek dari Persatuan Penduduk dengan peruntukan berjumlah RM 330,200.00 yang mewakili projek tematik seperti berikut :

- a) *Low Carbon City* : 8 Projek
- b) *Safe and Resilient City*: 3 Projek
- c) *Learning City* : 2 Projek
- d) *Inclusive City* : 3 Projek
- e) *Child-Friendly City* : 1 Projek
- f) *Circular Economy City* : 1 projek

Projek-projek yang terpilih ini adalah yang melibatkan pelbagai aspek pembangunan komuniti yang penting, dari pengurangan jejak karbon hingga kepada mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan inklusif untuk semua. Dengan pelaksanaan projek-projek ini, saya yakin kita akan dapat menjadikan Bandar Raya Petaling Jaya ini sebagai sebuah bandar yang mampan dari segi alam sekitar, sejahtera dan harmoni.

11. PENAMBAHAN MASA DAN ZON AKTIVITI HIBURAN

Bagi tujuan peluncuran ekonomi setempat dan bermatlamat dapat menarik pelancong datang ke Petaling Jaya, satu kajian tempoh masa operasi perniagaan bagi zon hiburan akan ditambah baik.

Merujuk Pekeliling SUK Bil. 1/2008, arahan Mewujudkan Zon Pusat Hiburan di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang berusia 16 tahun adalah satu tempoh yang perlu dikaji semula agar ianya bersesuaian dengan permintaan dan tawaran aktiviti ekonomi ini.

Berdasarkan ini, kawalan dan syarat-syarat lesen akan ditambah baik daripada tempoh pemotongan cagaran sepanjang hayat usia lesen kepada satu tahun ke satu tahun di mana penolakan cagaran dilaksanakan. Peratusan pemotongan cagaran adalah kekal iaitu :

- a) Pelanggaran syarat kali pertama, pemotongan cagaran sebanyak 10 peratus
- b) Pelanggaran syarat kali kedua, pemotongan cagaran sebanyak 20 peratus
- c) Pelanggaran syarat kali ketiga, pemotongan cagaran sebanyak 30 peratus dan
- d) Pelanggaran syarat kali keempat, Majlis akan melucuthak keseluruhan cagaran premis tersebut.

Walaupun bagaimanapun, jumlah pelanggaran syarat ditambah baik iaitu usia lesen sepanjang hayat kepada usia lesen setahun iaitu pembatalan bagi 4 kali pelanggaran syarat daripada usia lesen sepanjang hayat kepada setahun ke setahun.

12. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM) DAN AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK) SELANGOR

Majlis melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi rakan strategik iaitu Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor (JIM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan Selangor (AADK). Operasi bersepadu ini dijalankan ke atas aktiviti pelesenan tred seperti pusat mencuci kenderaan dan kedai runcit serta aktiviti lesen berisiko seperti pusat hiburan, pusat snuker dan pusat kecantikan yang terdapat di kawasan petaling jaya.

Sehingga 20 November 2024, sebanyak 10 siri operasi bersepadu telah dijalankan melibatkan 6 siri operasi bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan Selangor dan 4 siri operasi bersama Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Selangor.

Dalam operasi berkenaan, seramai 146 orang telah ditahan untuk tindakan selanjutnya. Manakala Majlis mengambil tindakan mengeluarkan 27 kompaun di atas pelbagai kesalahan, 37 tindakan sitaan dan empat (4) penutupan premis mengikut akta dan undang-undang kecil yang digunapakai.

Bagi premis lesen berisiko pula, Majlis telah menjalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan sebanyak 368 kompaun dan 176 sitaan terhadap premis yang melakukan kesalahan dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Majlis.

Sehubungan dengan itu, Majlis memohon agar semua pemilik dan pengusaha premis untuk mematuhi syarat-syarat lesen dan peraturan-peraturan yang ditetapkan serta menjalankan aktiviti perniagaan dengan mendapatkan kelulusan daripada Majlis.

Sekian, terima kasih.